

# PM mula lawatan rasmi 2 hari ke Bandar Seri Begawan

BA - 25/1/2023 m/s. 2

**Bandar Seri Begawan:** Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini, petang semalam bagi memulakan lawatan rasmi dua hari ke Brunei, negara kedua dilawatnya sebagai Perdana Menteri selepas Indonesia pada 8 Januari lalu.

Ketibaan Anwar dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada jam 3.15 petang, disambut Putera Mahkota Brunei, Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah dan isteri, Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Lagu kebangsaan Malaysia, *Negaraku* dimainkan diikuti lagu kebangsaan Brunei, *Allah Peliharakan Sultan* sebelum Perdana Menteri yang diberi sambutan rasmi, memeriksa perba-

risan kawalan kehormatan terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Anwar dan isteri kemudian berlepas ke hotel penginapan sebelum menghadiri majlis makan malam bersama diaspora Malaysia di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Brunei.

Hari ini, Perdana Menteri dijadual menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman.

Usai pertemuan empat mata bagi membincangkan pelbagai isu dan kepentingan kedua-dua negara, Perdana Menteri dijadual menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Lembaga Pelaburan Brunei (BIA).



Anwar dan Dr Wan Azizah disambut Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah sejurus tiba di Brunei untuk lawatan rasmi dua hari, semalam. (Foto BERNAMA)